

国家级教学成果二等奖系列教材



亚非语言文学国家级特色专业建设点系列教材

**BAHASA MELAYU**

**马来语阅读教程(1)**

谈笑 龚晓辉 蒋丽勇 刘勇◎编著



国家级教学成果二等奖系列教材  
亚非语言文学国家级特色专业建设点系列教材

# BAHASA MELAYU

# 马来语阅读教程(1)

谈笑 龚晓辉 蒋丽勇 刘勇○编著



世界图书出版公司  
广州·上海·西安·北京

### 图书在版编目 (CIP) 数据

马来语阅读教程. 1 / 谈笑等编著. —广州：世界图书出版广东有限公司，2013.1

ISBN 978-7-5100-1358-4

I. ①马… II. ①谈… III. ①马来语—阅读教学—教材  
IV. ①H631.194

中国版本图书馆 CIP 数据核字 (2013) 第 001062 号

## 马来语阅读教程 (1)

策划编辑：刘正武

责任编辑：魏路璐 李光

出版发行：世界图书出版广东有限公司

(广州市新港西路大江冲 25 号 邮编：510300)

电 话：020-84451969 84459539

http://www.gdst.com.cn E-mail: pub@gdst.com.cn

经 销：各地新华书店

印 刷：广东天鑫源印刷有限责任公司

版 次：2013 年 1 月第 1 版 2013 年 1 月第 1 次印刷

开 本：787mm × 1092mm 1/16

字 数：260 千

印 张：13.5

ISBN 978-7-5100-1358-4/H·0801

定 价：35.00 元

版权所有 侵权必究

咨询、投稿：020-84460251 gzlzw@126.com

# 前　言

《马来语阅读教程》为解放军外国语学院亚非语系主任、博士生导师钟智翔教授主持的国家级教学成果二等奖获奖项目系列教材之一，也是国家外语非通用语种本科人才培养基地暨亚非语言文学国家级特色专业建设点建设教材。

本教材是在解放军外国语学院马来语专业使用多年的阅读教材的基础上，根据时代发展要求重新编写的一本适合21世纪马来语教育特点的新教材，可作为大学马来语专业马来语阅读课程的配套教材。通过对本教材的学习，学生可以逐步提高马来语阅读能力，掌握马来语阅读技巧，培养准确理解和分析归纳的能力，扩大知识面，增强语感，打好马来语语言基础。

本教材课文均选用马来西亚书籍、报刊杂志及网站的原文资料。选材力求题材多样，内容丰富，涵盖面广。在编写过程中，编者根据教学需要对所选篇章的部分语句、段落进行了必要的删改，对某些篇章甚至进行了较大幅度的整理和改写，但并不影响原文的固有风貌。全书分为2册，每册16课，共32课。每课含主课文(Teks A)及补充读物(Teks B)各一篇，内容相辅相成。每课由课文、生词、注释、课后练习等部分组成。注释包括：背景知识介绍、常用短语解释和难句解释等。生词采用汉语释义，释义主要针对该词在本课中的使用标注。对部分能够通过工具书查到的词语编者未加注释，以培养学生通过查阅工具书解决问题和根据语境判断语义的能力。课后练习形式多样，有问答题、判断题、填空题、选择题、翻译题、复述课文、讨论、词义连线、写同义词、反义词等等，旨在检查学生对课文大意、基本观点、基本事实以及对课文中某个具体事实、具体论点和语言含义的理解情况。书后附有词汇表，方便学习者查阅。

本教材作为大学马来语专业本科教材，适合二年级学生使用，计划课时为64学时。教师在教学中可以依据本校的实际情况作适当调整。本教材也可供马来语专业高职高专学生及中等程度的马来语自学者使用。

本教材在编写过程中，得到了解放军外国语学院亚非语系教材建设委员会、亚非语言文学专业博士学位授权点以及中国出版集团世界图书出版广东有限公司的大力支持。

持。解放军外国语学院马来语专业2009级本科学员参加了本教材的录入和校对工作。  
谨在此表示诚挚的谢意。

由于水平有限，本教材中可能会存在疏漏和错误。恳请学界同仁、各位专家不吝批评指正。

编 者

2012年12月25日

于解放军外国语学院

# KANDUNGAN

<b>Pelajaran 1</b>	1
<i>Teks A: Carik-carik Bulu Ayam, Lama-lama Bercantum lagi</i>	1
<i>Teks B: Bagai Aur dengan Tebing</i>	5
<b>Pelajaran 2</b>	9
<i>Teks A: Belalang Menangkap Cengkerik</i>	9
<i>Teks B: Mengukir Sisi Perahu Tempat Jatuhnya</i>	13
<b>Pelajaran 3</b>	18
<i>Teks A: Sang Kancil dengan Buaya</i>	18
<i>Teks B: Burung Bangau dengan Seekor Ketam</i>	24
<b>Pelajaran 4</b>	28
<i>Teks A: Mat Jenin</i>	28
<i>Teks B: Pak Pandir</i>	34
<b>Pelajaran 5</b>	39
<i>Teks A: Pena Ajaib</i>	39
<i>Teks B: Pesta Kuih Bulan</i>	46
<b>Pelajaran 6</b>	51
<i>Teks A: Badang</i>	51

Teks B: Perawan Tujuh Beradik.....	58
------------------------------------	----

## **Pelajaran 7.....**

Teks A: Bawang Putih Bawang Merah ( 1 ).....	65
--	----

Teks B: Bawang Putih Bawang Merah ( 2 ).....	72
--	----

## **Pelajaran 8.....**

Teks A: Silat.....	76
--------------------	----

Teks B: Layang-layang .....	83
-----------------------------	----

## **Pelajaran 9.....**

Teks A: Inovasi itu Seronok!.....	89
-----------------------------------	----

Teks B: Prinsip Kejayaan—Apa yang diperlukan untuk berjaya .....	96
--	----

## **Pelajaran 10 .....**

Teks A: Perubahan yang Membawa Kejayaan.....	102
--	-----

Teks B: Ibu Bapa Mendidik Anak atau Televisyen Mendidik Anak? .....	109
---	-----

## **Pelajaran 11.....**

Teks A: Langkawi .....	114
------------------------	-----

Teks B: Mengunjungi Pulau Phuket.....	122
---------------------------------------	-----

## **Pelajaran 12 .....**

Teks A: Sahabatku Adikku .....	128
--------------------------------	-----

Teks B: Menjebak Merpati.....	136
-------------------------------	-----

<b>Pelajaran 13</b>	.....	143
<i>Teks A:</i> Proton Saga .....	.....	143
<i>Teks B:</i> Proton .....	.....	150
<b>Pelajaran 14</b>	.....	155
<i>Teks A:</i> Angkasawan Negara .....	.....	155
<i>Teks B:</i> Ciri Penting Angkasawan .....	.....	162
<b>Pelajaran 15</b>	.....	167
<i>Teks A:</i> Wawasan 2020 .....	.....	167
<i>Teks B:</i> Wawasan 2020 Selapas Peralihan Kepimpinan .....	.....	174
<b>Pelajaran 16</b>	.....	178
<i>Teks A:</i> Kembara Bahasa Melayu di China .....	.....	178
<i>Teks B:</i> Mencari Makanan Halal di Beijing.....	.....	187
<b>词汇表</b> .....	.....	193

# Pelajaran 1

## Teks A

### Carik-carik Bulu Ayam, Lama-lama Bercantum lagi

Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat di negara kita terutamanya di kalangan bangsa Melayu. Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran. Peribahasa banyak digunakan kerana masyarakat terutamanya yang berbangsa Melayu selalunya mengambil berat tentang perasaan dan hati orang lain. Dengan menggunakan peribahasa, segala teguran, nasihat, dan lain-lain dapat disampaikan tanpa menimbulkan rasa marah atau kecil hati pada orang lain.



Salah satu peribahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu ialah *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*. Peribahasa ini membawa pengertian pergaduhan atau perselisihan faham antara adik-beradik atau anggota dalam sebuah keluarga tidak akan berpanjangan. Pergaduhan atau perselisihan faham ini lama-kelamaan akan reda dan

hubungan mesra yang lalu akan terjalin semula. Masyarakat pada zaman dahulu mengambil iktibar atau pengajaran melalui pengamatan meraka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Jika diperhatikan betul-betul kita akan mendapati bahawa bulu ayam yang tercarik atau berselerak lama-kelamaan akan bercantum semula. Oleh itu masyarakat pada zaman dahulu mengumpamakan bulu ayam yang tercarik atau berselerak itu sebagai perselisihan faham atau pergaduhan yang berlaku antara anggota dalam sesebuah keluarga. Di samping itu satu peribahasa yang mempunyai pengertian yang lebih kurang sama dengan peribahasa ini ialah air dicincang

tidak akan putus. Ia mengumpamakan bahawa walau apa pun yang berlaku terhadap perhubungan dalam sesebuah keluarga, ikatan kekeluargaan tidak akan putus.

Peribahasa ini digunakan kerana masyarakat pada zaman dahulu selalunya tinggal berdekatan antara satu sama lain. Oleh kerana itu, perselisihan pendapat atau pergaduhan kadangkala berlaku. Ini membuatkan beberapa orang individu terutamanya golongan tua dalam masyarakat tersebut menjadi risau. Mereka takut perselisihan pendapat atau pergaduhan tersebut akan berpanjangan sehingga ke anak cucu. Jika berlanjutan perkara ini sudah tentu akan memecahbelahkan masyarakat. Masyarakat yang tidak bersatu akan lemah. Peribahasa ini mengingatkan manusia bahawa sebarang pergaduhan atau perselisihan faham yang berlaku antara anggota dalam sesebuah keluarga lama-kelamaan akan reda dan individu yang terlibat akan berbaik-baik semula.

Sebagai kesimpulannya, peribahasa *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum* juga merupakan peribahasa yang sesuai untuk digunakan dalam semua zaman dan kepada semua bangsa. Ini kerana telah terbukti bahawa sebarang perselisihan pendapat atau pergaduhan antara anggota keluarga tidak akan berpanjangan dan akan reda setelah beberapa lama. Selain itu peribahasa ini juga amat berguna untuk mengukuhkan hubungan yang terdapat dalam masyarakat terutamanya antara ahli keluarga atau saudara-mara.



## PERKATAAN BARU

carik 撕扯，撕破

peribahasa 谚语，俗语

menyampaikan 表达

mengambil berat 重视

menimbulkan 引起

kecil hati 生气

pengertian 意思，意义

perselisihan faham 观念分歧，意见冲突

adik-beradik 兄弟姐妹

berpanjangan 持续

lama-kelamaan 久而久之

iktibar 例子，教训

pengajaran 教训

pengamatan 观察

diperhatikan 注意，关注

berselerak 散乱的，凌乱的

mengumpamakan 比喻

dicincang 被切断，被砍断

berdekatan 临近

risau 焦虑

memecahbelahkan 分裂

terlibat 受牵连的，相关的



## PENERANGAN TENTANG TEKS

**1** Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kita terutamanya di kalangan bangsa Melayu. 谚语在我国社会尤其是马来人社会当中扮演着重要角色。“peribahasa”即“俗语，谚语”之意。马来语中有非常多的谚语。马来语中的谚语凝聚了马来人对自然界的细微观察以及对社会生活的亲身体会，通过朴实的语言描述现实生活中的场景，却总能委婉地表达深刻的人生哲理。

**2** Salah satu peribahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu ialah *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum* juga. 其中一句谚语在马来社会中被频频使用，即“鸡毛残碎，却总有一天会再长齐”，意为“小鸡打架，总会和好；兄弟相争，只在一时”。

**3** Di samping itu satu peribahasa yang mempunyai pengertian yang lebih kurang sama dengan peribahasa ini ialah *air dicincang tidak akan putus*. 此外，还有一句谚语，在所表达的意义方面与之相差无几，即“砍水水不断”。

**4** Peribahasa ini digunakan kerana masyarakat pada zaman dahulu selalunya tinggal berdekatan antara satu sama lain. 这句谚语被频频使用的原因是：过去，人们常常比邻而居。马来传统社会为农耕社会，人们常常集中聚居在一起，以便共同抗击天灾人祸。

**5** Peribahasa ini mengingatkan manusia bahawa sebarang pergaduhan atau perselisihan faham yang berlaku antara anggota dalam sesbuah keluarga lama-kelamaan akan reda dan individu yang terlibat akan berbaik-baik semula. 这句谚语提醒人们，在家庭成员之间不管发生任何争吵或者意见分歧的情况，久而久之冲突总会平息，相关的成员之间也会和好如初。

**6** Selain itu peribahasa ini juga amat berguna untuk mengukuhkan hubungan yang terdapat dalam masyarakat terutamanya antara ahli keluarga atau saudara-mara. 此外，这句谚语对于紧密现有社会成员之间的关系，尤其是家庭成员或者兄弟之间的关系非常实用。



### 一、回答问题：

1. Apa tujuannya penggunaan peribahasa?
2. Mengapa orang menggunakan peribahasa supaya menyampaikan nasihat kepada orang lain?

3. Apa maknanya peribahasa *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga?*
4. Mengapa orang tua berasa risau semasa melihat berlakunya pergaduhan antara ahli keluarga?
5. Adakah peribahasa mempunyai pengaruh terhadap perkembangan masyarakat?

## 二、填空：

1. \_\_\_\_\_ satu peribahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu ialah *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.*
2. Dengan menggunakan peribahasa, segala teguran, nasihat, dan lain-lain dapat disampaikan tanpa menimbulkan rasa \_\_\_\_\_ atau kecil hati pada orang lain.
3. Pergaduhan atau perselisihan faham ini lama-kelamaan akan reda dan hubungan mesra yang lalu akan \_\_\_\_\_ semula.
4. Ia mengumpamakan bahawa \_\_\_\_\_ yang berlaku terhadap perhubungan dalam sesebuah keluarga, ikatan kekeluargaan tidak akan putus.
5. Mereka takut perselisihan pendapat atau pergaduhan tersebut akan berpanjangan sehingga ke \_\_\_\_\_.
6. Jika \_\_\_\_\_ perkara ini sudah tentu akan memecahbelahkan masyarakat. Masyarakat yang tidak bersatu akan lemah.

## 三、写反义词：

- |           |       |               |       |
|-----------|-------|---------------|-------|
| 1. berat  | _____ | 2. kecil hati | _____ |
| 3. kurang | _____ | 4. putus      | _____ |
| 5. sering | _____ | 6. risau      | _____ |

## 四、翻译句子：

1. Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran. Peribahasa banyak digunakan kerana masyarakat terutamanya yang berbangsa Melayu selalunya mengambil berat tentang perasaan dan hati orang lain.
2. Pergaduhan atau perselisihan faham ini lama-kelamaan akan reda dan hubungan mesra yang lalu akan terjalin semula. Masyarakat pada zaman dahulu mengambil iktibar atau pengajaran melalui pengamatan meraka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka.
3. Oleh itu masyarakat pada zaman dahulu mengumpamakan bulu ayam yang tercarik atau berselerak itu sebagai perselisihan faham atau pergaduhan yang berlaku antara anggota dalam sesebuah keluarga.
4. Peribahasa ini membawa pengertian pergaduhan atau perselisihan faham antara adik-beradik atau anggota dalam sebuah keluarga tidak akan berpanjangan.

5. Oleh kerana itu, perselisihan pendapat atau pergaduhan kadangkala berlaku. Ini membuatkan beberapa orang individu terutamanya golongan tua dalam masyarakat tersebut menjadi risau.

6. Mereka takut perselisihan pendapat atau pergaduhan tersebut akan berpanjangan sehingga ke anak cucu. Jika berlanjutan perkara ini sudah tentu akan memecahbelahkan masyarakat. Masyarakat yang tidak bersatu akan lemah.

五、请用马来语复述课文。

### Teks B

## Bagai Aur dengan Tebing



Salah satu peninggalan nenek moyang bangsa Melayu ialah peribahasa. Peribahasa wujud dalam masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Peribahasa mempunyai maksud tersendiri yang tersembunyi atau tersirat di dalamnya. Tujuan peribahasa digunakan adalah untuk mengingatkan atau memberi nasihat secara tersembunyi. Ini kerana masyarakat pada masa dahulu amat

sensitif terhadap sebarang teguran atau sindiran. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam peribahasa pada kebiasaannya mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat pada masa itu.

Peribahasa “bagai aur dengan tebing” melambangkan sesuatu keadaan yang saling memerlukan antara satu sama lain. Kedua-dua pihak, iaitu aur dan tebing perlu bantu-membantu atau bekerjasama dalam usaha untuk hidup.

Peribahasa ini wujud berdasarkan kehidupan masyarakat masa dahulu yang kebanyakannya tinggal di tepi sungai. Setiap hari mereka melihat berbagai-bagai kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Salah satu



daripadanya ialah kekuatan tebing disebabkan oleh aur yang tumbuh di situ. Tebing sungai yang tiada aur di atasnya mudah runtuh atau terhakis. Aur pula amat memerlukan tanah atau tebing untuk berakar umbi dan mendapat makanan. Setelah memerhatikan kejadian tersebut maka masyarakat pada waktu itu berpendapat bahawa kerjasama atau tolong-menolong antara satu sama lain amat diperlukan untuk hidup.

Peribahasa ini bertujuan untuk mengingatkan masyarakat akan perlunya kerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Setiap individu dalam masyarakat tidak akan dapat hidup bersendirian tanpa bantuan atau kerjasama daripada orang lain. Keadaan ini amat sesuai lebih-lebih lagi kepada masyarakat zaman dahulu yang serba kekurangan tanpa alat-alat yang moden dan canggih. Walaupun dicipta pada zaman dahulu peribahasa ini juga sesuai digunakan dalam konteks kehidupan kita sekarang. Ini kerana setiap individu dalam dunia ini tidak akan dapat hidup bersendirian tanpa bantuan atau kerjasama daripada orang lain. Kehidupan yang paling baik ialah kehidupan di mana setiap individu sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain serta bekerjasama dalam berbagai-bagai perkara. Masyarakat yang hidup sedemikian sudah tentu akan menjadi masyarakat yang aman, kuat, dan harmoni.

Pada kesimpulannya peribahasa “bagai aur dengan tebing” ini amat sesuai digunakan oleh masyarakat pada setiap masa baik pada masa dahulu maupun sekarang.



## PERKATAAN BARU

bagai 好比

aur 树根

tebing 河岸

peninggalan 遗产，遗留

tersendiri 个人，独自

tersembunyi 隐藏，暗含

tersirat 暗含

teguran 批评

kebiasaannya 通常情况下

melambangkan 代表，象征

berdasarkan 以……为基础的

kejadian 事件

sekeliling 周围

kekuatan 力量

runtuh 崩塌

mengingatkan 提醒

kekurangan 缺乏，缺少

harmoni 和谐

kesimpulannya 总结

bersendirian 单独的，独自



## LATIHAN

选择题：

1. Peribahasa dicipta ( )
  - A. oleh nenek moyang bangsa Melayu.
  - B. baru-baru ini.
  - C. dalam kehidupan orang Melayu sekarang.
  - D. supaya menyifatkan kegembiraan orang.
2. Mengapa orang Melayu menggunakan peribahasa untuk memberi nasihat secara tersembunyi? ( )
  - A. Kerana mereka tidak pandai menasihati orang.
  - B. Kerana peribahasa mempunyai maksud tersendiri yang tersirat dalamnya.
  - C. Kerana kekurangan perkataan dalam bahasa Melayu.
  - D. Kerana orang Melayu suka dengar apa-apa teguran atau sindiran.
3. Makna peribahasa “bagai aur dengan tebing” sama dengan makna peribahasa Cina ( )

A. 好人有好报	B. 脣齿相依
C. 亡羊补牢	D. 邯郸学步
4. Mengikut karangan ini, ( )
  - A. peribahasa berasal daripada kehidupan masyarakat tempatan.
  - B. pada masa dahulu, tiada banyak orang yang tinggal di tepi sungai kerana banjir yang kerap berlaku.
  - C. tebing sungai di Tanah Melayu mudah runtuh.
  - D. aur boleh memberi kesan yang positif terhadap tebing sungai.
5. Mengikut karangan ini, kami boleh tahu bahawa ( )
  - A. orang Melayu tidak digalakkan tolong-menolong antara satu sama lain.
  - B. setiap orang boleh hidup tanpa kerjasama orang lain.
  - C. orang Melayu dalam masyarakat masa lampau sentiasa bantu-membantu.
  - D. dalam masyarakat moden, setiap orang boleh hidup bahagia tanpa bantuan orang lain kerana penyertaan alat-alat moden dan canggih.
6. Mengikut karangan ini, ( )
  - A. nilai yang digalakkan pada masa dahulu tidak sesuai dalam sosial masa kini.
  - B. kerana ketimbulan teknologi moden, nilai tradisional boleh dibuangkan.

C. walaupun orang dalam masyarakat moden menikmati alat-alat moden, tapi nilai tradisional seperti bekerjasama haruslah diamalkan kalau mereka hendak hidup bahagia.

D. orang Melayu tak suka teknologi moden.

7. Berdasarkan karangan ini, kehidupan baik ialah (        )

A. hidup bersendirian

B. hidup dalam keluarga diri sendiri.

C. hidup dengan orang lain.

D. hidup di mana setiap orang bekerjasama dengan orang lain dalam pelbagai hal.

8. Mengikut karangan ini, masyarakat harmoni boleh dicapai (        )

A. rakyatnya hidup bersama.

B. rakyatnya sentiasa berkata “bagai aur dengan tebing” .

C. rakyatnya percaya-mempercayai antara satu sama lain.

D. rakyatnya tolong-menolong dan bantu-membantu.

9. Peribahasa “bagai aur dengan tebing” (        )

A. sesuai pada setiap masa.

B. hanya boleh digunakan semasa dihadapi masalah.

C. hanya sesuai digunakan pada masa lampau.

D. hanya sesuai digunakan pada masa sekarang.

10. Berdasarkan karangan ini, (        )

A. orang Melayu yang lemah kerana mereka tak boleh menyelesaikan sesebuah perkara tanpa bantuan orang lain.

B. bangsa Melayu mempunyai sejarah yang panjang.

C. bangsa Melayu mempunyai pengalaman yang luas dalam kehidupan.

D. bangsa Melayu lemah dalam masyarakat moden kerana mereka tak boleh melengkapkan alat yang canggih.

# Pelajaran 2

## Teks A

### Belalang Menangkap Cengkerik

Mengejar keuntungan yang ada di depan mata, tanpa menyedari bahaya yang ada di belakang.

Peribahasa ini diambil daripada kisah yang terjadi pada Zaman Musim Bunga dan Luruh (770-476SM). Pada suatu hari, semasa perjumpaan antara raja Wu dengan para jeneralnya, raja Wu telah merancang untuk menyerang negara Chu. Para penasihat dan para jeneralnya mula merasa ragu-ragu kerana khuatir akan ada bahaya lain, khususnya dari negara Yue. Oleh kerana hasrat raja yang semakin membuak-buak, tidak ada seorang pun yang berani membantah.

Justeru itu, salah seorang pegawai kerajaan telah memikirkan cara yang tersendiri untuk menghalang hasrat rajanya. Pada setiap pagi dia berjalan mengelilingi taman yang seringkali dikunjungi oleh raja sambil memegang sebuah senjata dan sesekali melihat ke atas pokok. Sudah beberapa hari ini dia melakukan hal yang sama. Pada suatu pagi iaitu pada hari yang ketiga, barulah dia bertemu dengan raja. Dengan perasaan hairan raja pun bertanya,



“Kenapa anda berada di sini dan apakah yang anda lakukan?”

“Maaf baginda, saya sedang mengamati seekor cengkerik yang sedang bersantai di atas pokok tanpa memerhatikan ada bahaya di belakangnya.”

“Jadi, kenapa?” raja bertanya dengan penuh kehairan.

“Nah, di belakangnya ada seekor belalang-yang melihatnya sebagai satu peluang untuk